



ANUGERAH-ANUGERAH JULANGAN BAKAT UMT KATEGORI:
ANUGERAH KELAB STAF TERBAIK UMT

Disediakan oleh :-
Pejabat Pendaftaran
Universiti Malaysia Terengganu

(Kelulusan Mesyuarat JKSM UMT Kali Ke-31 (Bilangan 2 Tahun 2024) – 8 Mei 2024)



GARIS PANDUAN
ANUGERAH KELAB STAF TERBAIK UMT
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SYARAT DAN KRITERIA

TUJUAN

- i. Anugerah ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada kelab staf yang berdaftar di UMT yang telah memberikan sumbangan kebajikan dan pembangunan sosial kepada perkembangan Universiti.

SYARAT PENCALONAN

- i. Terbuka kepada semua kelab staf yang berdaftar dengan UMT.
- ii. Bebas dari sebarang tindakan undang-undang.
- iii. Mengemukakan laporan tahunan persatuan setiap tahun kepada pihak berwajib dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir.

TATACARA PERMOHONAN DAN PENILAIAN ANUGERAH

- i. Pencalonan boleh dibuat oleh Kelab Staf yang berdaftar dengan UMT.
- ii. Permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang rasmi yang diperolehi melalui portal MyNemo. Semua permohonan/pencalonan perlu lengkap dan disertakan maklumat dan bukti-bukti yang disahkan.
- iii. Setiap pencalonan mesti disokong dan diperakukan oleh Presiden Kelab.
- iv. Permohonan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa penilaian yang dilantik oleh Naib Canselor dan seterusnya diperakukan di Jawatankuasa Sumber Manusia (JKSM).
- v. Pemenang akan diluluskan oleh JKSM dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

KRITERIA ASAS

- i. Bilangan aktiviti kelab yang dianjurkan.
- ii. Bilangan aktiviti kelab yang disertai.
- iii. Tadbir urus kelab mengikut perlembagaan.
- iv. Kelab yang mendapat kemenangan/pengiktirafan di peringkat Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa.

KRITERIA PENILAIAN

Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah berdasarkan empat (4) kriteria yang dicapai dalam tahun penilaian sepertimana berikut:

Bil	Kriteria	Jumlah Markah
1.	Bilangan aktiviti kelab yang dianjurkan i. 1-2 (10 Markah) ii. 3-5 (20 Markah) iii. 6 – 8 (30 Markah) iv. 9 dan ke atas (40 Markah)	40
2.	Bilangan aktiviti kelab yang disertai i. 1-2 (10 Markah) ii. 3-5 (15 Markah) iii. 6 dan ke atas (20 Markah)	20
3.	Tadbir urus persatuan mengikut perlembagaan - Bilangan mesyuarat diadakan dalam tempoh tiga (3) tahun i. 3 kali Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan 9 kali Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (30 Markah) ii. 2 kali Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan 6 kali Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (20 Markah) iii. 1 kali Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan 3 kali Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (10 Markah)	30
4.	Kelab yang mendapat kemenangan atau pengiktirafan di Peringkat Negeri / Kebangsaan / Antarabangsa; i. Antarabangsa (10 Markah) ii. Kebangsaan (8 Markah) iii. Negeri (5 Markah)	10
	Jumlah Markah Keseluruhan	100

**pengiktirafan/kemenangan iaitu kejohanan lain yang membawa nama Kelab bukannya Universiti.*

ASAS PERTIMBANGAN

Bagi menentukan penerima anugerah yang layak dipertimbangkan adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- i. Memenuhi semua syarat-syarat pencalonan.
- ii. Pencalonan perlu mencapai markah minimum penilaian anugerah iaitu 80%.
- iii. Jika tiada calon yang mencapai markah minimum, Jawatankuasa Panel Penilai boleh memperakukan mana-mana calon yang menunjukkan sumbangan signifikan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa untuk dipertimbangkan Anugerah Khas.

NILAI HADIAH

- i. Sijil Penghargaan
- ii. Trofi